

NO. SOALAN : 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]

TARIKH : 12 MAC 2015

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:

- (a) tahun permulaan dan penamatan Kesultanan Melayu di negeri Melaka; dan
- (b) kebelakangan ini terdapat berapa individu yang mengisytiharkan diri mereka adalah keturunan Kesultanan Melayu dan nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil tentang kenyataan ini.

162

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Secara umum para sarjana dan pengkaji sejarah sependapat bahawa Melaka telah dibuka oleh Parameswara pada tahun 1400. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010 penemuan yang terbaru ahli-ahli sejarah sependapat bahawa tarikh pembukaan Melaka sebagai permulaan Kesultanan Melayu adalah pada tahun 1262 oleh Raja Iskandar Shah. Penemuan ini dibuat pada Seminar Tahun Pengasasan Kerajaan Melayu Melaka anjuran Kerajaan Negeri Melaka melalui Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) di Tanjung Kling pada 31 Mei 2010.

Semua para sarjana dan pengkaji sejarah sependapat bahawa era pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka berakhir pada tahun 1511 apabila dikalahkan oleh Portugis.

- (b) Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil tindakan awal dengan tidak melayan tuntutan dan dakwaan daripada individu yang mengaku keturunan atau waris Kesultanan Melayu Melaka. Dakwaan ini adalah lebih bersifat emosi, sentimen dan salasilah yang diragui kesahihannya kerana era Kesultanan Melayu Melaka sudah berakhir pada tahun 1511. Mana-mana pihak atau individu yang mengisytiharkan mereka adalah berketurunan Kesultanan Melayu semestinyalah perlu mengemukakan bukti-bukti kukuh termasuklah dokumen, peralatan kebesaran atau bukti-bukti lain kepada pihak

berkuasa. Kajian dan penelitian lanjut akan dijalankan oleh pakar-pakar sejarah negara termasuklah oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi membuktikan kesahihan dakwaan tersebut.

Sekian, terima kasih.